


MAUT



VARATHAN

SIVAKUMAR

SADHEES

Nahas tiga kereta, satu motosikal

Kepala bayi terhantuk

>>Oleh Mary Victoria Dass dan Siti Nadirah Hafidzin
am@hmetro.com.my

PASIR GUDANG: Seorang bayi berusia setahun antara lima yang terbunuh dalam kemalangan melibatkan dua Perodua Viva serta masing-masing satu Perodua

tembung sebuah Perodua Kembara dinaiki tiga lelaki, S Varathan, 35, (pemandu) S Sivakumar, 40, dan Mohamad Ismail Abdul Rahman, 46.
"Berikutan itu, penunggang motosikal terbabit mati di tempat kejadian akibat parah di badan dan kepala. Perodua Kembara itu pula

Syafiq Aziz, setahun. Mohd Roslan berkata, kenderaan dinaiki tiga beranak itu kemudian dirempuh pula sebuah Perodua Viva hijau yang dipandu seorang lelaki yang belum dikenal pasti identitinya.
Menurutnya, akibat rempuhan itu, Muhammad Dania Syafiq cedera di badan



REMUK...Perodua Kembara yang terbabit kemalangan, kelmarin.



Kembara dan motosikal di Jalan Masai-Kong-Kong, di sini, jam 9 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Roslan Zainuddin berkata, kemalangan berlaku apabila V Sadhees, 23, yang menunggang motosikal Honda EX5 dari Johor Bahru gagal memotong kenderaan lain di garisan berkembar.

Akibatnya, kata Mohd Roslan, motosikal itu ber-

hilang kawalan sebelum berpusing beberapa kali dan merempuh sebuah Perodua Viva berwarna perak.

"Rempuhan itu menyebabkan ketiga-tiga lelaki yang berada dalam Perodua Kembara mati di tempat kejadian," katanya.

Menurutnya, Perodua Viva perak itu dinaiki sepasang suami isteri, Aziz Yakub, 33, dan Nurul Hafizah Mohamed, 30, serta anak mereka, Muhammad Danial

dan kepala selepas terhantuk pada papan pemuka kereta, namun disahkan meninggal dunia di Hospital Sultan Ismail (HSI) Pandan ketika menerima rawatan.

"Ibu bapa bayi itu hanya cedera ringan, manakala lelaki yang memandu Perodua Viva hijau itu pula tidak cedera," katanya.

Roslan berkata, pihaknya masih menyiasat punca kemalangan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1),

Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Saksi kejadian diminta tampil membantu siasatan," katanya.

Difahamkan, lokasi sama sebelum ini turut mencatatkan lima kemalangan maut sejak dua bulan kebelakangan ini.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari subscription.nstp.com.my

Tragedi cari kerja

PASIR GUDANG: Pemandu dan dua penumpang Perodua Kembara yang terbabit kemalangan meragut lima nyawa di Jalan Masai-Kong-Kong, di sini, malam kelmarin adalah rakan karib yang dalam perjalanan untuk mencari kerja sebagai pemandu lori.

Ketika kejadian, pemandu, S Varathan, 35, S Sivakumar, 40, dan Mohamad Ismail Abdul Rahman, 46, yang berasal dari Ulu Tiram dalam perjalanan dari Cahaya Masai ke Kota Masai.

Adik saudara Mohd Ismail, Abu Bakar Abdullah, 42, berkata, kali terakhir dia bertemu Allahyarham pada Aidiladha lalu.

"Arwah yang sudah berkahwin dan mempunyai tiga anak meminta maaf dengan ahli keluarga dan menyatakan mahu pergi. Bila ditanya mahu ke mana, arwah hanya menyatakan sudah tiba masa meminta maaf kerana mahu pergi jauh," katanya.

Difahamkan, kemalangan yang berlaku menyebabkan Mohd Ismail yang duduk di

bahagian penumpang belakang dan Varathan tercampak keluar daripada kenderaan, manakala Sivakumar mati di tempat duduk penumpang depan.

Abu Bakar berkata, sebelum kemalangan, Mohd Ismail yang juga kelindan lori meminjam RM20 daripada isterinya bagi mengisi minyak Perodua Kembara itu untuk pergi mencari kerja bersama dua rakannya.

Abu Bakar berkata, keluarga arwah hanya menyedari kejadian itu selepas dimaklumkan polis.

"Hari ini (semalam) anak kedua arwah sepatutnya menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala anak bongsu mereka mengambil keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), tetapi tragedi yang berlaku menyebabkan mereka terpaksa menguruskan jenazah bapa mereka," katanya.

Jenazah mangsa selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Ulu Tiram, semalam.

ROSAK... Kereta pasangan suami isteri yang terbabit kemalangan.